

UMS lahirkan doktor perubatan kembar seiras

UB 03.07.2022 P.02

KOTA KINABALU: Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kali ke-23 turut menyaksikan kegembiraan buat sebuah pasangan kembar yang menerima Ijazah Doktor Perubatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK).

Dr. Hamssavani Slevaraj dan Dr. Hamshavali Slevaraj masing-masing menamatkan pengajian bersama 4,317 graduan yang lain pada majlis yang diadakan di Dewan Canselor UMS, baru-baru ini.

Mereka telah memulakan pengajian dalam program Doktor Perubatan pada tahun 2016.

“Sepanjang lima tahun pengajian, kami tidak pernah berpisah, dua tahun bersama-sama menjalani latihan pra klinikal dan tiga tahun latihan

klinikal di hospital-hospital sekitar Sabah,” ujar Hamssavani.

Menurutnya, kedua-dua mereka tidak pernah berpisah dan mengharungi suka duka dalam pengajian bersama-sama.

“Perkara yang cukup mencabar adalah pada ketika pandemik COVID-19 sedang memuncak.

“Kami bukan sahaja terpaksa melalui pembelajaran secara dalam talian, tetapi pada masa sama perlu bijak menguruskan waktu yang terhad untuk hadir ke hospital dengan SOP yang cukup ketat bagi memenuhi keperluan jam kredit latihan klinikal,” katanya.

Bagi Hamshavali, berkat kecekalan dan keazaman yang ditanam bersama sejak di bangku tadika merupakan antara kunci kejayaan untuk



TAHNAH: Graduan doktor perubatan kembar UMS merakamkan gambar kenangan bersama ibu bapa.

mereka berjaya menamatkan pengajian.

“Terima kasih kepada ibu bapa, ahli keluarga dan semua pihak yang telah menyokong kami termasuk para pensyarah dan rakan-rakan.

“Selain mahu berkhidmat

kepada masyarakat, jika mempunyai kesempatan kami juga berazam melanjutkan pengajian untuk mencatat nama sebagai antara doktor pakar di negara ini pada masa akan datang,” katanya.